

Sultan Selangor rasmi pusat penyelidikan

SISFEC buat kajian saintifik jejak sumber genetik baru

PUSAT Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) Universiti Putra Malaysia (UPM) di Puchong, Selangor dijadual akan dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Rabu ini mempunyai pelbagai spesies tumbuhan yang sukar ditemui di negara ini.

Ketua Seksyen Hutan dan Ladang, Fakulti Perhutanan UPM, Dr Paiman Bawon, berkata tiga ekspedisi saintifik dijalankan terhadap hidupan liar di situ menemui beberapa spesies baru paku pakis dan lumut di Selangor.

Katanya, pusat pendidikan itu bakal menjadi pusat kajian saintifik untuk menjejak sumber genetik baru dan mengumpul rekod stok tumbuhan dan hidupan liar hutan.

Rekod berkenaan kata beliau, meliputi kajian untuk abiotik, biotik, sosial, ekonomi serta pengurusan taman rekreasi dan ekopelancongan.

"Keunikan hutan ialah pada campuran flora yang mempunyai elemen hutan



KAKITANGAN Fakulti Perhutanan UPM menanam pokok dalam Hutan Simpan Ayer Hitam.

dari kawasan utara dan selatan Semenanjung, selain tumbuhan yang sukar dijumpai," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Paiman berkata, pusat itu juga berfungsi sebagai kawasan hijau, pusat pemuliharaan sumber genetik serta pusat pendidikan dan penyelidikan Fakulti Perhutanan UPM.

Beliau berkata, kemudahan pusat pendidikan seluas 1,176.1 hektar di dalam Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, itu merangkumi penginapan, liputan internet

dan makmal penyelidikan.

"Lebih 100 program pengembangan dan kegiatan perhutanan seperti kursus dan bengkel motivasi diadakan dengan agensi kerajaan, komuniti dan institusi pendidikan," katanya.

Paiman berkata, Hutan Simpan Ayer Hitam itu menjadi makmal luar pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam amalan pengurusan hutan yang memberi peluang kepada mereka.

Beliau berkata, penyelidikan berpeluang mendalami pengetahuan dan kemahiran mengemak pokok dan daun, sains tanah, inventori pokok, silvikultur, ekologi dan hidupan liar.

"Kemudahan rekreasi luar yang disediakan di dalam hutan itu meliputi tapak perkhemahan, sirkuit rempuh halangan, padang paintball dan denai hutan untuk pembelajaran," katanya.

Bersempena majlis perasmian SISFEC, Sultan Sharafuddin Idris Shah dijangka turut berangkat melawat kemudahan pusat pendidikan dengan diiringi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.